

DATE: 24/08/2007

# Ingatan pada 'Pak' Tunku

Um - 24/8/2007

Oleh AZLINARIAH ABDULLAH  
(WARTAWAN UTUSAN)

**"SAYA** bukan orang yang sesuai untuk bercakap mengenai sejarah kemerdekaan negara memandangkan lahir selepas merdeka. Tetapi saya boleh berceloteh mengenai orang yang memimpin negara ke arah kemerdekaan," begitu kata Tunku Noor Hayati Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, saat diminta untuk ditemu bual *Utusan Malaysia*.

Beliau ditemui pada majlis pelancaran buku - untuk merakamkan ingatan kepada Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman. Buku itu berjudul *Prince Among Men - Recollections and Reflections on Tunku Abdul Rahman*.

Majlis yang berlangsung di Carcosa Seri Negara itu dihadiri oleh sanak saudara, rakan-rakan Tunku yang masih ada dan tetamu terpilih sahaja.

"Datang ke rumah, kalau mahu dengar celoteh saya tentang Tunku Abdul Rahman," ujar anak kepada Bapa Kemerdekaan negara ini.

Celoteh beliau, yang membahasakan diri sebagai Tunku Noor bukan sembarangan. Seputar bicara di kediamannya di Jalan Stonor, Kuala Lumpur baru-baru ini, dapat disimpulkan bahawa ia penuh dengan nostalgia selain sejarah. Lebih daripada itu, bicaranya sarat dengan kenangan yang dikumpul serta dibawa bersama beliau dengan tokoh negara itu, yang kebetulan diikat pertalian darah.

Kalau ada yang mengaku mengenali Tunku, beliau lebih mendalami orang bertanggungjawab membawa negara ke arah kemerdekaan itu.

"Tunku menjadi 'ayah' kepada anak-anak saya selepas tidak lagi menjadi bapa buat negara. Saya bertuah kerana masa itu berpihak kepada saya. Tiga tahun selepas saya lahir, bapa tidak lagi menjadi Perdana Menteri Malaysia, jadi boleh dikatakan, perhatiannya lebih kepada keluarga," ujar beliau.

Tunku Noor yang lahir pada tahun 1967 menceritakan, walaupun masa lebih banyak diluahkan kepada anak-anak serta keluarga, negara tetap tidak dilupakan oleh bapanya yang dipanggil Pak.

Beliau merupakan anak Tunku dengan isteri keempat, Bibi Chong yang dikahwini Almarhum pada tahun 1963. Tunku Noor mempunyai seorang lagi adik iaitu Tunku Mastura, lahir enam tahun selepasnya.


Selain Bibi, isteri Tunku ialah Meriam Choong. Dengan isteri pertama ini, Tunku dianugerahkan dua orang anak iaitu Tunku Khatijah dan Tunku Ahmad Nerang. Isteri kedua Tunku yang bertahan kira-kira lapan bulan ialah wanita Inggeris bernama Violet Coulson, tetapi mereka tidak dikurniakan zuriat.

Tunku kemudiannya mengikat tali perkahwinan dengan Tun Syarifah Rodziah. Tun Sharifah Rodziah telah diperkenalkan oleh saudara mara Tunku di Kedah.



TUNKU Noor Hayati bersama anaknya, Tunku Yahya Aziz Petra menatap gambar Tunku Abdul Rahman.

- Gambar AHMAD ZAKKI JILAN dan album TUNKU NOOR



GAMBAR Tunku Noor Hayati bersama Tunku Abdul Rahman ketika menaiki kapal di Pulau Langkawi.

Dengan perkahwinan ini, juga tiada anak yang lahir tetapi lima orang anak angkat diambil - Syed Abdullah, Syarifah Hanizah, Mariam, Sulaiman dan Faridah.

Tunku Noor bercerita, sejak berumur tiga hari, beliau diambil untuk dibesarkan oleh Tun Syarifah Rodziah yang beliau panggil sebagai Mak.

Kerana itu, selepas Tunku bersara daripada politik, beliau dibawa bersama ke Jeddah dan London. Tunku bersara pada September 1970, dan telah dijemput oleh Raja Arab, Al-Malik Faisal, untuk mengasaskan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Ramai yang tidak tahu bahawa Tunku pantang dengan nombor tiga atau yang ada kaitan dengan tiga seperti 13 dan sebagainya.

"Semasa hari jadi saya ke-13, saya tidak mahu mengadakan majlis sebab Mak tidak sihat. Tetapi bapa tetap mahukan ia dibuat, tetapi jemputan di kalangan rakan-rakan terdekat sahaja. Majlis ke-13 dan 13 orang tetamu tentunya 'tidak boleh' kepada Tunku.

"Kami terpaksa menunggu dan mencari undangan baru sebelum mulakan jamuan. Jadi seorang tambahan diundang iaitu Andy Chong. Tetapi hingga akhirnya, Pak tidak tahu Andy juga berusia 13 tahun semasa ke majlis itu," cerita Tunku Noor, yang kini sedang berkira-kira untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dalam bidang Sains Politik.

Beliau memiliki sijil dalam bidang psikologi kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan kerap dipanggil untuk memberi nasihat dan kaunseling.

Persamaan beliau dengan Tunku ialah mereka sama-sama dalam bidang perundangan. Atas nasihat dan galakan bapa,

beliau mengambil jurusan terbabit. Beliau memiliki ijazah sarjana muda dari Queen Mary & Westfield College, University of London, England pada 1991.

"Tetapi sayang, Pak tidak dapat melihat saya menamatkan pengajian kerana dipanggil Ilahi, enam bulan sebelum itu."

Dapat dikatakan bahawa, Tunku banyak campur tangan dalam hidup Tunku Noor. Dan barangkali kalau tidak kerana 'campur tangan' bapanya, Tunku Noor tidak berkahwin dengan suaminya sekarang.

"Bapa saya suka padankan pasangan, tidak terkecuali saya. Beliau memadamkan saya dengan anak saudara Tengku Razaleigh Hamzah, yang akhirnya menjadi suami saya sekarang."

Tunku Noor berkahwin dengan Tengku Datuk Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz pada Julai 1991. Pasangan itu dikurniakan tiga cahaya mata, Tengku Nur Qistina Petri, 15, Tengku Abdul Rahman Petra, 12, dan Tengku Yahya Aziz Petra, 9.

Tunku turut menitikberatkan perihal kebajikan dan kemasyarakatan. Semasa menjadi Perdana Menteri, Almarhum pernah berkata, masanya agak terbatas untuk mendalami perihal kemasyarakatan.

Justeru, sekembali dari Jeddah, Tunku menumpukan perhatian kepada Pertubuhan Kebajikan Islam (Perkim). "Saya ingat satu insiden di mana seorang wanita lari dari rumah. Selepas mencurah masalah, Pak menyuruh saya memberi makan dan pakai buat wanita itu. Kerana hari telah lewat, wanita itu tidur di rumah kami. Keesokannya, semasa dijemput badan kebajikan, wanita tersebut meraung enggan meninggalkan rumah kami sambil

menyatakan dia anak angkat Tunku. Itulah pendedahan pertama saya (pada masa itu berumur 14 tahun) dalam bidang kebajikan di mana sekarang ia banyak memupuk nilai diri saya."

Dua minggu sebelum meninggal dunia, imbas Tunku Noor lagi, sesudah menunaikan sembahyang Maghrib, Tunku memanggil beliau dan Tun Syarifah Rodziah.

Dengan nada perlahan dan sayu, Tunku memberitahu isterinya bahawa perkahwinan dengan Bibi (ibu Tunku Noor) adalah semata-mata kerana berkehendak anak, darah daging sendiri.

"Pak menunggu sehingga hujung hayatnya untuk memaklumkan kepada Mak tentang itu, supaya perasaan Tun Syarifah Rodziah tidak terluka. Mak banyak berkorban demi perjuangan Pak. Selain wang dan harta digadai, Mak tetap berdamping semasa Pak susah. Begitulah Pak yang saya kenali, sangat menitikberatkan perasaan orang lain," katanya.

Sebagaimana yang kita semua maklum, Tunku, yang besar jasanya kepada negara dan bangsa, meninggal dunia pada pukul 10.25 malam, 6 Disember 1990.

"Selama 22 tahun saya bersama orang yang bernama Tunku Abdul Rahman, cukup lama untuk mengenali hati budinya, jatuh bangun bersama dan kongsi perasaan kasih. Beliau menangis, saya turut bersedih. Gembira, ia turut menjadi ria bagi saya.

"Secara jujur dan datang dari hati, bukan sedikit kebanggaan berbunga di hati saat namanya disebut atau dilaungkan di mana-mana. Pendek kata, saya membawa nama itu dengan penuh kenangan tetapi bersulam bangga," ujar Tunku Noor.